

# Angkatan Penerbangan

**PERKEMBANGAN** terbaru Udara Terata Udara Diraja Malaysia (TUDM) ke arah menyediakan jururuterbang mahir dan berpengalaman ialah penubuhan sebuah lagi Pusat Latihan Penerbangan TUDM.

Pusat terbaru ini ialah Pusat Latihan Penerbangan Ketiga (Pulitabng III), di Pangkalan TUDM Kuantan. Ia menggantikan latihan peralihan penerbangan jet menggunakan pesawat terbaru MB 339 Aer Macchi, buatan Itali.

Dua lagi pusat latihan penerbangan ialah di TUDM Alor Setar untuk latihan asas penerbangan dan TUDM Keluang untuk latihan penerbangan lanjut menggunakan helikopter.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan Pulitabng III dalam satu upacara kebertajaan di Pangkalan TUDM Kuantan Khamis lalu.

Serentak dengan itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Menteri Pertahanan Malaysia, menerima 129 buah pesawat MB 339 dari pengeluarannya.

Pesawat itu telah disampaikan oleh Presiden Aer Macchi Dr. Franco Franzoson. Perdana Menteri kemudiannya menyerahkan buku log pesawat itu kepada Komandan Pulitabng III, Letenan Kolonel (Uda) Abdul Aziz Iskandar.

Ketibaan Perdana Menteri ke upacara itu telah diringi penerbangannya ke pangkalan itu oleh empat buah pesawat latihan yang diketuai oleh Ketua Jurul-

## Laporan MOHAMED NOOR HASHIM

tibnya Mejar Jusof Embong.

Perdana Menteri kemudiannya telah membalas tabik dan memeriksa satu perbarian 104 pegawai dan anggota TUDM di bawah arahan Mejar Udara Azizi Ariff Ghani.

Bellau juga memeriksa pesawat-pesawat MB 339 sebelum melaku-kan upacara penerimaan pesawat itu dari Presiden Aer Macchi, Dr. Franco Franzoson.

### Kendali

Pesawat MB 339 boleh digunakan dalam dua gerakan iaitu sebagai pesawat latihan dan perumamah dalam perumamah ketenteraan.

Sebelum ini, TUDM menggunakan jet Tebuan untuk tujuan tersebut tetapi menukarkan kepada MB 339 ini apabila membeli pesawat baru itu yang berharga hampir 2.0 juta kesemuanya.

Berikutan pengenalan pesawat MB 339 itu juga, TUDM telah membubarkan Skwadron Kesembilan TUDM yang mengendalikan latihan peralihan jet Tebuan kepada juruterbang TUDM.

Pulitabng III, yang ditubuhkan pada 1 Januari lalu, mengendalikan latihan asas pesawat pejuang. Komandannya yang pertama ialah Letenan Kolonel (Uda) Abdul Aziz Iskandar.

Pusat ini adalah di bawah pemerintahan Marhas Santanu Uda dan sebahagian dari perkhidmatan pentadbirannya masih di bawah seliaan Pangkalan TUDM Kuantan.

Di upacara itu juga, Perdana Menteri dapat menyaksikan pertunjukan udara menggunakan pesawat MB 339 oleh juruterbangnya.

Pertunjukan udara itu diketuai oleh Ketua Jurulatihnya, Mejar Jusof Embong dengan empat orang juruterbang lain, iaitu Kapten Ismail Ibrahim, Kapten Wong See Fong, Kapten Hayan Slodion dan Kapten Ansar Ali.

Perdana Menteri juga berpulang mengadakan penerbangan pengenalan pesawat MB 339 yang dipandu oleh Komandan pusat itu Letenan Kolonel Aziz Iskandar.

Letenan Kolonel Aziz Iskandar adalah seorang juruterbang jet TUDM berpengalaman yang boleh memandu pesawat Tebuan dan beberapa jenis pesawat lain.

Perdana Menteri telah membahagikan kira-kira dua jam di pusat itu serta mengikuti lakitrik perkembangan TUDM Kuantan dan pertambahan udara Angkatan Tentera Malaysia.

### Meninjau

Turut hadir di upacara itu ialah Timbalan Menteri Besar Pahang, Datuk Haji Abdul Rahid Abdul Rahman, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Datuk Ghazali Mohd Seth; Pemangku Panglima TUDM, Mejar Jeneral Datuk Mohamad Ngah Said; Panglima TUDM, Laksamana Madaya Mohd Zain Salleh; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai tinggi Angkatan Tentera.

Perdana Menteri, dalam lawatan sehari ke Kuantan ini, juga sempat meninjau perkembangan ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera.

Di Tanjung Gelang, perdana Menteri telah meninjau perkembangan Markas Wilayah Laut Satu (Mawelis Satu), sebuah pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Bellau juga melawat

sekitar pangkalan itu termasuk depot peluru dan stesen perhubungan TLDM, di Padang Hangus.

Sebelum mengakhiri lawatannya itu, Perdana Menteri sempat beramah mesra dengan anggota-anggota dan pegawai tentera ketiga-tiga perkhidmatan dalam satu jamuan tengah hari di Pasukan Kavaleri Diraja Pertama, di Kem Batu Sepuluh.

### Hasrat

Berucap kepada anggota tentera di situ, bellau menegaskan tidak ada tugas lebih mulia selain dari mempertahankan negara seperti yang dilakukan oleh anggota Angkatan Tentera.

Bellau menggesa mereka supaya lebih berwaspada, walaupun negara tidak terbahit dalam peperangan besar seperti di negara-negara luar.

Menurutnya, kita harus bersedia setiap waktu memandangkan komunis di dalam negara

ini masih berusaha untuk menimbulkan kekacauan.

Perdana Menteri juga menegaskan, pertahanan negara dititikberatkan serta diberi keutamaan perkembangan walaupun kerajaan terpaksa mengagihkan perbelanjaan negara untuk berbagai bidang kemajuan pembangunan.

Menurutnya, keadaan ini lebih menyulitkan lagi dalam tempoh kesletan yang berlaku sekarang. Bagaimanapun, usaha itu tidak akan terencat jika rakyat sama-sama memahami keikhlasan dan hasrat kerajaan sepenuhnya.

Katanya, kerajaan dan rakyat terubung budi kepada angkatan bersenjata kerana jika tidak dengan rasa tanggungjawab mereka, negara akan terjejas.

Inilah kali pertama Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan mengadakan lawatan ke tiga-liga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.



□ Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di hari pelancaran Pulitabng III.

Berita  
Negara  
Malaysia